

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan

Sidang 1987/88

CSP101 - Pengantar Sains Komputeran

Tarikh: 20 Jun 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
(3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 9 muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Terdapat tiga soalan di Bahagian A. Jawab SEMUA soalan di Bahagian A.

Terdapat tiga soalan di Bahagian B. Jawab DUA soalan di Bahagian B. Jawab SOALAN 4 dan MANA-MANA SATU soalan dari soalan 5 dan 6.

Pembahagian markah ialah 60% bagi Bahagian A, dan 40% bagi Bahagian B.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

Semua algoritma, fungsi dan tatacara hendaklah ditulis di dalam Pascal.

BAHAGIAN A

Jawab SEMUA soalan di Bahagian ini.

1. (a) Nyatakan komponen-komponen yang penting di dalam sistem komputer berdigit, dan berikan penerangan-penerangan ringkas mengenai komponen-komponen tersebut serta hubungan-hubungan di antara mereka.

(15/100)

- (b) Berikan penerangan ringkas mengenai setiap sebutan berikut:

- (i) Pengkompil (compiler)
- (ii) Pemproses kelompok (batch processing)
- (iii) Pemrograman komputer (computer programming)

(15/100)